



18 Disember 2017

Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang

Tuan/Puan,

**Keperluan berkenaan Pengenalpastian Identiti
Perniagaan Perkhidmatan Wang Berlesen**

Bank Negara Malaysia (Bank) ingin memaklumkan bahawa mulai 1 Mac 2018, semua pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang dikehendaki untuk mempamerkan lesen perniagaan perkhidmatan wang dengan format yang baharu. Lesen berformat baharu ini akan menggantikan lesen perniagaan perkhidmatan wang dan lampirannya yang sedia ada.

2. Sehubungan ini, perenggan 11.1.1 'Garis Panduan Keperluan Tadbir Urus dan Operasi bagi Menjalankan Aktiviti Perniagaan Perkhidmatan Wang' mengenai keperluan untuk mempamerkan lesen adalah dipinda dan digantikan dengan perenggan berikut mulai 1 Mac 2018, iaitu:

"Seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 11 Akta, setiap pemegang lesen mesti mempamerkan pada kedudukan yang ketara dan mudah dilihat:

- (a) Lesen asalnya di tempat utama perniagaannya (pejabat utama); dan
- (b) Satu salinan lesen yang diperakui sah di setiap pejabatnya yang telah diluluskan oleh Bank."

3. Berikutan pengenalan lesen berformat baharu ini, setiap pemegang lesen tidak lagi dikehendaki untuk:

- (a) Mempamerkan lampiran di setiap cawangannya; dan
- (b) Mendapat dan mempamerkan lampiran baharu untuk sebarang pembukaan atau penempatan semula cawangannya.

4. Bagi memastikan proses penggantian lesen berformat baharu dapat dilaksanakan dengan lancar, semua pemegang lesen perlu mendapatkan lesen berformat baharu dengan memulangkan semula lesen dan lampirannya yang sedia ada kepada pihak Bank dalam tempoh **dua (2) bulan**, bermula dari 2 Januari 2018 sehingga 28 Februari 2018.

5. Di samping itu, setiap pemegang lesen juga dikehendaki untuk mempamerkan secara ketara logo keahlian Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia di setiap pejabatnya termasuklah pejabat utama dan cawangan. Bagi pemegang lesen prinsipal, mereka perlu memastikan ejen-ejennya turut mematuhi kehendak ini.

6. Sebarang ketidakpatuhan terhadap mana-mana kehendak di atas akan dikenakan tindakan yang sewajarnya seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 74 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.